

Headline	Mustika Sintok johan pertandingan pantun anjuran JKKN		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	22 Dec 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Varsiti	Color	Full Color
Page No	V11	ArticleSize	273 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 9,411	PR Value	RM 28,232



# Mustika Sintok johan pertandingan pantun anjuran JKKN

**Sintok:** Pasukan pantun Universiti Utara Malaysia (UUM) yang dinamakan Mustika Sintok menjuarai Pertandingan Pantun Antara Agensi Kerajaan anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Kedah, baru-baru ini.

Pasukan UUM yang dibarisi Mohd Fairus Abd Majid, Wan Muhammad Hanif Wan Abd Hamid dan Siti Alifah Saifuddin, menewaskan pasukan Latera Timur daripada Komuniti 1Malaysia, Pejabat Penerangan Daerah Bandar Baharu.

Kemenangan itu membolehkan Mustika Sintok membawa pulang hadiah wang tunai RM2,500 dan sijil penyertaan, manakala Wan Muhammad Hanif turut dinobatkan sebagai Pemantun Terbaik.

**Lestarikan seni!**  
Pengarah Pusat Budaya

dan Seni UUM, Huzaidy Hussain, berkata pujian harus diberikan kepada penganjur atas inisiatif melestarikan seni budaya bangsa, di samping memupuk hubungan baik antara agensi kerajaan di negeri ini.

“Ini dapat memudahkan lagi usaha memajukan

bidang kesenian dan kebudayaan bukan sahaja dalam cabang pantun tetapi juga secara keseluruhan,” katanya.

Pada pertandingan akhir itu, pasukan Lembayung Jerai yang mewakili Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) berjaya

merangkul tempat ketiga.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Kesenian dan Kebudayaan, Pembangunan Insan Kedah, Datuk Aminuddin Omar, di Auditorium Kompleks JKKN Kedah.



Pemenang Pertandingan Pantun Antara Agensi Kerajaan diraikan.



**Mustika Sintok** dibarisi (dari kiri) Mohd Fairus, Siti Alifah dan Wan Muhammad Hanif.